

27 AUG 2002

MAHATHIR-PELABURAN

STRATEGI BARU TARIK FDI AKAN DIUMUM DALAM BELANJAWAN 2003

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Strategi baru untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2003 tidak lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata kerajaan perlu mengubah sedikit strateginya bagi menarik FDI pada masa akan datang berikutan terdapat persaingan sengit daripada beberapa negara lain.

Butiran strategi itu akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan Negara, katanya kepada sidang media selepas menyampaikan ucapan tama di majlis makan tengah hari sempena sambutan ulangtahun ke-30 perindustrian di Pulau Pinang di sini.

Belanjawan 2003 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Sept. ini.

Dr Mahathir yang merupakan Menteri Kewangan berkata: "Kita akan terus mendengar pendapat pelabur tempatan dan juga asing, kerana kita sedar kita menghadapi persaingan sengit untuk menarik FDI."

Beliau turut berkata kerajaan juga perlu mengenalpasti bidang-bidang pertumbuhan yang lain untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya saing.

"Bidang-bidang pertumbuhan baru itu boleh datang sama ada dari dalam ataupun luar negara. Kita perlu pastikan apa sahaja yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan itu, dan kita akan memberi galakan yang sepenuhnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata terdapat beberapa sebab mengapa Malaysia kehilangan FDI kepada beberapa negara pesaing, antaranya ialah kerana lokasi negara ini yang terletak jauh daripada negara asal pelabur.

Ia juga mungkin kerana banyak produk dari negara ini dihantar ke negara lain yang lebih dekat dengan pusat operasi mereka dan juga dekat dengan negara pengguna akhir.

Oleh kerana itu, katanya, negara ini perlu mencari jalan untuk bersaing dengan negara-negara tersebut dengan meningkatkan kecekapan termasuk kecekapan pengendalian.

"Kesemua perkara itu perlu dikaji secara menyeluruh," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata pelabur asing mempunyai kepercayaan yang penuh kepada negara ini kerana keadaan politiknya yang amat stabil.

Keyakinan mereka itu, katanya, berdasarkan kepada keadaan negara ini yang mempunyai kerajaan yang "mesra pengguna", tidak ada perubahan yang tidak dijangka, serta tidak radikal. -- BERNAMA

SA ZU JR